

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(XII)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN**

2. Jawapan Bertulis Ketua Menteri Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) tahun 2016 dan 2017 menyatakan (4(B)(XII)2) peruntukan RM400,000.00 untuk menaik taraf padang Homestay Mengkuang Titi jadi mini-stadium dan bina dewan baharu RM800,000.00 atas tanah kerajaan tetapi tidak dimasukkan dalam Bajet Tahun 2017 dan 2018 atau dilaksanakan sehingga kini.

- (a) Adakah Kerajaan Negeri akan laksanakannya pada tahun 2018 atau 2019?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

2. Secara umumnya, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan bagi pembinaan baru dan penyelenggaraan dewan orang ramai di bawah peruntukan pembangunan. Senarai projek yang diluluskan adalah mengikut keutamaan keperluan projek bagi penduduk setempat dan juga mengambil kira kedudukan kewangan Kerajaan Negeri. Sehubungan itu, projek ini masih belum diluluskan bagi tahun 2018 kerana terdapat projek-projek lain yang perlu diutamakan. Kelulusan bagi projek ini untuk tahun 2019 adalah tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri semasa semakan Belanjawan Tahun 2019 nanti.